

LAYANAN LEBIH ADIL



DATUK SERI DR.
MAHATHIR

Dr. M: Permintaan rakyat diteliti

JITRA, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, kerajaan sedang mengambil tindakan bagi memastikan rakyat mendapat layanan yang lebih baik.

"Tetapi ini tidak bermakna apa yang diminta mesti dapat," ujarnya ketika berucap di majlis kesyukuran atas kemenangan Barisan Nasional di kawasan parlimen Kubang Pasu di Sekolah Rendah Sultan Ahmad Tajudin di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, layanan baik itu akan berasaskan kepada pertimbangan yang adil serta mengikut keperluan.

Dakyah karut

"Tuntutan-tuntutan yang tidak adil dan bercanggah dengan dasar-dasar kerajaan tidak dapat dilayan walaupun dibuat oleh mereka dari parti kerajaan."

Bellau berkata, jika kerajaan menerima juga tuntutan-tuntutan yang tidak adil itu bermakna ia tidak mengamalkan konsep bersih, cekap dan amanah.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan menumpukan perhatian kepada konsep tersebut bagi membantaras penyelewengan.

Bellau juga menyeru setiap lapisan rakyat supaya terus mengamalkan

konsep itu dalam kehidupan mereka sehari-hari.

"Apa sahaja kita buat hendaklah berpandukan kepada slogan bersih, cekap dan amanah supaya kita capai kejayaan yang besar," lambuhnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, jika kerajaan sahaja mengamalkan konsep tersebut maka pembangunan dan kejayaan negara tidak akan berkesan.

Bellau juga mengingatkan rakyat sughabun pilihannya telah tamat, mereka harus berwaspada terhadap orang-orang yang cuba bertanggungjawab yang cuba mempengaruhi rakyat dengan berbagal dakyah.

"Kita hendaklah berjaga-jaga dan mendampingi rakyat supaya mereka tidak mudah diseleweng atau dikelirukan oleh orang-orang berniat jahat."

Menurutnya, adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat berusaha memamatkan rakan dan sanak saudara mereka tidak dipengaruhi oleh dakyah-dakyah itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir amat dukacila kerana terdapat sebilangan rakyat terpengaruh dengan dakyah-dakyah karut yang membuat mereka terkeluar dari ajaran Islam yang sebenar.

Mengenai Kubang Pasu bellau menyatakan haaratnya untuk menjadikan daerah tersebut sebagai kawasan contoh yang menarik di Malaysia.

"Bagaimanapun, ini tidak dapat dilaksanakan jika setiap rakyat di Kubang Pasu aktif dalam usaha-usaha pembangunan," ujarnya

Bellau juga ingin melihat Kubang Pasu menjadi daerah yang bersih dan cantik serta mempunyai banyak perusahaan-perusahaan kecil yang dijalankan oleh rakyat tempatan di samping mempunyai rancangan-rancangan pembangunan yang besar.

Datuk Seri Dr. Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah kemudian menghadiri majlis kenduri kesyukuran bersama penduduk kawasan Kubang Pasu di sekolah itu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia